

19/10/2000

Indonesia sudah sedia pelan tindakan

LANGKAWI, Rabu - Pelan tindakan untuk mengatur kepulangan beratus ribu pendatang tanpa izin rakyat Indonesia yang memasuki dan bekerja secara haram di Malaysia sudah diatur pihak berkuasa republik itu.

Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Hadi Wayarabi Al-Hadar, berkata pelan tindakan itu dihasilkan dalam mesyuarat bagi menangani masalah itu yang diadakan di Pekan Baru, wilayah Riau, baru-baru ini.

"Sebelum ke Langkawi, saya menghadiri satu mesyuarat di wilayah Riau yang dipimpin Menteri Dalam Negeri dan Wilayah Autonomi, Surjabi Sudirdja dan dihadiri Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi, Hilal Hamdi dan Gabenor Pulau Sumatera, Pulau Jawa dan Nusantara Barat serta Nusantara Timur.

"Pertemuan itu untuk menangani secara rasional pemulangan warga negara Indonesia dari Malaysia. Jadi, kita di tanah air pun sudah memberi komitmen untuk mengatasi masalah ini dengan baik sehingga akses negatif itu dapat dikurangkan sebanyak mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid dan delegasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, di sini, hari ini.

Abdurrahman yang dalam lawatan kerja dua hari, semalam mengadakan perbincangan tertutup dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diikuti mesyuarat dua hala delegasi mengenai kepentingan bersama.

Kedua-dua pemimpin negara itu mencapai kata sepakat supaya kos bagi penghantaran pulang pendatang asing Indonesia yang memasuki negara ini secara haram dan tidak mempunyai pekerjaan di sini, ditanggung bersama.

(END)